



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 03 MAC 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. 2. 3. 4. | KRISIS KUCING TERBUANG DAN MANUSIA BERHATI KEJAM, SUARA, SINAR HARIAN-16 MAN GIVEN FINE OF RM6K FOR TAKING SIX PIGS ACROSS A STREET, NATIONAL, THE STAR-9 DENDA RM6,000 PINDAH BABI TANPA IZIN, LOKAL, HARIAN METRO-12 DIDENDA RM6,000 ANGKUT BABI HIDUP, NEGERI PERAK, N.SEMBILAN, P.PINANG, SINAR HARIAN-26 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5. | 139 NELAYAN DAPAT RUMAH DIPANGKOR, NEGARA, KOSMO-16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 6. | APLIKASI BANTU PESAWAH TINGKAT HASIL PADI, INFINITI, KOSMO-K2 | INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 7. | PELANCARAN KADA | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. | TAK MENANG TANGAN BEKALKAN KUTU AIR, NASIONAL, BERITA HARIAN-20 GRADUAN PERAKAUNAN PILIH IKAN LAGA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-30 CUACA PANAS JEJAS HASIL HARUMANIS, NASIONAL, BERITA HARIAN-21 PENGUSAHA HARUMANIS MULA BIMBANG, NEGERI PERAK, N.SEMBILAN, P.PINANG, SINAR HARIAN-23 AZAM JADI PENGELUAR UTAMA CILI DI PAHANG, BISNES, SINAR HARIAN-30 RADIO NELAYAN BANTU SALUR MAKLUMAT KEPADA PIHAK BERKUASA, NEGERI, KOSMO-13 SUDAH 3 BULAN TIDAK TURUN KE LAUT, NEGARA, KOSMO-14 RISIKO HARGA DAGING NAIK, MUKA DEPAN, SINAR HARIAN-1 DEDAK JADI PUNCA, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-2 PENGELUAR BAHAN MENTAH TERSEPIT, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-3 TERPAKSA FIKIR MAKANAN ALTERNATIF, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-4 RM1,000 UNTUK SATU BAHAGIAN, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-4 PENTERNAK DI TERENGGANU TERPUTUS BEKALAN RUMINAN SEJAK SEBULAN LALU | LAIN - LAIN |
| | *_UKKMAFI_* | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

MERAK Jalanan bukanlah peminat tegar haiwan peliharaan tetapi nampaknya semakin ramai orang yang tidak berperikemanusiaan dan berhati kejam.

Itulah rumusan Merak Jalanan selepas Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) minggu lepas mendedahkan sebanyak 278 kes kekejaman terhadap haiwan direkodkan sejak 2018 hingga tahun lalu.

Anjing dan kucing adalah yang paling tinggi menjadi mangsa kekejaman. Adia juga kes berpunca daripada per-

buatan membuang kucing peliharaan. Merak Jalanan tak terkejut kalau ada yang ramal kita bakal menghadapi krisis kucing terbuang.

Ramai pencinta kucing sekarang adalah jenis ikut-ikutan. Mereka bela kucing untuk suka-suka. Tengok jiran atau kawan bela kucing, mereka nak bela juga. Tapi mereka berkira hendak suntik vaksin. Bila kucing sakit, mereka tak mampu bawa ke klinik haiwan.

Merak Jalanan faham, kos untuk bela kucing ini mahal. Sekali bawa ke

klinik boleh habis beratus-ratus ringgit. Seorang pencinta kucing beritahu Merak Jalanan, dia mengeluarkan kos hingga RM2,000 sebulan kalau ada dalam kalangan 30 ekor kucing miliknya sakit.

Itu belum lagi makanan kucing yang makin mahal. Akhirnya mereka akan abai atau buang kucing mereka.

Buang kucing nampak macam hal kecil. Kita fikir, kalau buang kucing di pasar atau dekat kedai makan pasti ia tidak akan mati kebuluran.

Namun, jangan ambil mudah. Per-

Krisis kucing terbuang dan manusia berhati kejam

buatan inilah yang menjadi punca kekejaman ke atas haiwan.

Dalam hal buang haiwan peliharaan ini, bukan kucing sahaja yang terlibat.

Banyak juga haiwan eksotik lain seperti ikan dan kura-kura yang dibuang ke longkang, tasik atau sungai disebabkan pemiliknya tak mampu nak jaga kerana haiwan tersebut semakin membesar.

Ini ibarat habis madu sepah dibuang. Sudahnya, spesies asing itu merosakkan ekosistem kita pula.

Man given fine of RM6k for taking six pigs across a street

BUTTERWORTH: A man pleaded guilty at a Magistrate's Court here to illegally transporting six live pigs across the street last year.

Tan Hong Haw, 27, was fined RM6,000 in default of three months' jail by magistrate Nurul Huda Idris.

He was charged with transporting the animals from a farm at Tingkat Selamat 9 to a slaughterhouse at Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor, at about 12.15pm on Aug 29.

Tan appeared calm during proceedings. He nodded after the charge was read to him by a court interpreter, indicating that he understood the accusation against him.

He pleaded guilty to illegally transporting the six live pigs without the approval of any veterinary authority. Transport of any livestock out of any farm requires government approval to prevent the spread of contagious diseases.

Tan was charged under the Animal Act of 1953.

The offence carries a maximum fine of RM15,000 upon conviction.

Veterinary Services Department prosecuting officer Tuan Anuar Sulzi Tuan Abdullah prosecuted the case, while Tan was unrepresented.

Tan paid the fine.

Denda RM6,000 pindah babi tanpa izin

Butterworth: Gara-gara memindah enam babi tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, seorang peniaga didenda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini, semalam.

Majistret Nurul Huda Idris menjatuhkan hukuman itu selepas Tan Hong Haw, 27, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibaca oleh jurubahasa.

Nurul Huda turut memeringh tertuduh dilucutkan hak hasil jualan enam babi berkenaan dan dipenjara tiga bulan jika gagal mem-

bayar denda.

Menurut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan enam babi hidup dari Jalan Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor ke kawasan rumah sembelihan babi Hi-Good Corporation Sdn Bhd, No 2976 Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat Tasek Gelugor di Seberang Perai Utara dengan menggunakan lori tanpa mendapat kebenaran bertulis pengarah negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar. -Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|--|------------|
| 03.03.2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK, N.SEMBILAN. P.PINANG | 26 |

Didenda RM6,000 angkut babi hidup

BUTTERWORTH - Seorang peniaga didenda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret sini pada Selasa selepas memindah enam babi tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

Majistret Nurul Huda Idris menjatuhkan hukuman itu selepas Tan Hong Haw, 27, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibaca oleh jurubahasa.

Nurul Huda turut memerintah tertuduh dilucutkan hak hasil jualan enam ekor babi berkeenaan dan dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda.

Menurut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan enam ekor babi hidup dari Jalan Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor ke kawasan rumah sembelihan babi Hi-Good Corporation Sdn Bhd, No.

2976, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat Tasek Gelugor di daerah Seberang Perai Utara dengan menggunakan kenderaan lori bernombor pendaftaran AEA 7669 tanpa mendapat kebenaran bertulis pengarah negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar.

Hong Haw didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12:15 tengah hari, 29 Ogos tahun lepas, mengikut pertuduhan di bawah Perintah 4(1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Tuan Anuar Sulzi Tuan Abdullah manakala tertuduh tidak diwakili peguam. - *Bernama*

139 nelayan dapat rumah di Pangkor

LUMUT - Kerajaan Perak yakin Program Penempatan Semula Nelayan (PNS) di pangsapuri Teluk Bharu di Pulau Pangkor dapat dimuktamadkan sepenuhnya seawal-lewatnya bulan depan.

Pangsapuri 139 unit bernilai RM16 juta yang mula dibina pada 2014 dan siap empat tahun kemudian, hanya dihuni 37 keluarga manakala 102 unit lagi masih kosong.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata, sebingga kini sebanyak 86 permohonan untuk mengahumi pangsapuri itu sudah diterima.

"Senarai nama yang layak jadi jawatankuasa khas yang turut dianggotai pemimpin setempat dan wakil rakyat di sini, akan buat pemilhan dan keputusan."

"Ya bagi memastikan hanya golongan nelayan sahaja men-



RAZMAN (dua dari kiri) berbincang mengenai pangsapuri PSN Teluk Bharu, Lumut semalam.

duduki pangsapuri ini," kata-nya kepada pemberita selepas meninjau pangsapuri tersebut

Turut hadir, Pengarah Lem-



Senarai nama yang layak menduduki pangsapuri ini sudah ada, jadi jawatankuasa khas yang turut dianggotai pemimpin setempat dan wakil rakyat di sini, akan buat pemilhan dan keputusan."

bagi Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak, Mohamad Rizal Sahari dan Pegawai Daerah Manjung, Zulhisham Ahmad Snukori.

Pangsapuri PSN Teluk Bharu yang berkeluasan 79.8 meter persegi (860 kaki persegi) setiap unit serta mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air berharga RM45,000 seunit, bertujuan

menempatkan semula keluarga nelayan di Pulau Pangkor khususnya di Kampung Teluk Bharu.

Razman berkata, mereka yang menduduki pangsapuri itu hanya perlu membuat bayaran bulanan RM150 selama 25 tahun, sebelum ia menjadi hak milik sepenuhnya penghuninya.

Beliau berkata, buat masa ini pangsapuri itu hanya ditawarkan kepada nelayan generasi pertama di Pulau Pangkor dengan LKIM bertindak sebagai penyelaras program PSN itu.

Menurut beliau, syarat utama bagi menduduki pangsapuri tersebut ialah mesti menjadi ahli persatuan nelayan kawasan Pulau Pangkor atau dilantik nelayan tulin di bawah Seksyen 11(1)A Akta LKIM 1971.

"Kita mahu ia diselesaikan secepat mungkin, diharapkan senarai nama yang layak boleh dimuktamadkan bulan ini," jelasnya.

Oleh FARID AHMAD TARMJI

BERAS merupakan sumber makanan rudi rakyat negara ini dan untuk menghasilkannya tanaman padi harus diusahakan terlebih dahulu.

Penanaman padi menjadi sumber utama pendapatan pesawah terutama di negeri Kedah, Selangor dan Kelantan yang mengusahakan tanaman tersebut.

Tidak dapat dinafikan terdapat pesawah kini masih menggunakan kaedah yang sama dalam penanam padi walaupun kini bidang pertanian telah melalui evolusi dalam bidang teknologi.

Dalam menambatkan sistem pertanian di negara ini serta membantu pesawah lebih produktif mengusahakan tanaman padi, Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah membangunkan aplikasi MyPadiManager.

Melalui aplikasi itu, pesawah dapat menguruskan penanaman padi secara lebih efisien dan sistematik.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang menjelaskan, aplikasi itu menyenaraikan jadual aktiviti penanaman padi serta memberi mesej peringatan tentang tanaman kepada petani.

Menurutnya, aplikasi itu memberikan gambaran prestasi hasil tanaman padi yang telah dilaksanakan dan petani juga boleh menetapkan sasaran penanaman bagi musim akan datang.

"MyPadiManager ini juga mampu meningkatkan kadar pematuran aktiviti penanaman padi mengikut amalan terbaik bagi setiap jenis padi yang ditanam."

"Dengan aplikasi ini, pengguna dapat menyemak aktiviti yang harus mereka laksanakan dengan lebih pantas dan tepat," katanya selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan (DigAc) 2020 di MARDI Serdang, Selangor baru-baru ini.

Katanya, pesawah disarankan menggunakan aplikasi yang telah dibangunkan oleh pihak MARDI tersebut.

MyPadiManager merupakan aplikasi mudah alih yang berfungsi untuk membantu petani menguruskan penanaman padi dengan memberi mesej peringatan dan juga menyenaraikan jadual aktiviti setiap penanaman padi.

Pesawah boleh merujuk setiap aktiviti yang disyorkan melalui paparan disediakan pada aplikasi. Senarai aktiviti penanaman disenaraikan mengikut hari pada paparan utama.

Dalam pada itu, pesawah juga boleh melihat keseluruhan aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi setiap penanaman dan memantau sama ada aktiviti yang disenaraikan masih dalam perancangan, sudah selesai atau tidak dilaksanakan.


Aplikasi ini juga membenarkan pesawah menanam padi daripada jenis sama di lebih daripada satu tapak penanaman.

Pesawah hanya perlu menghasilkan profil tapak penanaman setiap kali

Aplikasi bantu pesawah tingkat hasil padi



SELARI dengan penggunaan teknologi moden dalam pertanian, mentaliti pesawah juga perlu bertukar ke arah dunia digital bagi meningkatkan hasil penanaman padi. - GAMBAR HIASAN



CONTOH pengurusan tanaman padi seperti membuat penyelaratan jadual aktiviti menerusi mesej peringatan daripada aplikasi MyPadi Manager.

sebelum data penanaman padi dimasukkan.

Antara jenis padi yang tersedia dalam aplikasi ini adalah varieti MARDI STRAJ 297, MR220 CL2, MR263, MR264 dan juga padi ARROB.

Aplikasi MyPadiManager juga dibangunkan berciri mesra pengguna.

Antara fungsi yang terkandung di dalam aplikasi tersebut merangkumi sawah, penanaman, aktiviti, tuaian dan analisis.



Dengan aplikasi ini pengguna dapat menyemak aktiviti yang harus mereka laksanakan dengan lebih pantas dan tepat."

DR. RONALD KIANG

Untuk fungsi sawah, pengguna perlu memasukkan maklumat berkaitan sawah milik mereka.

Maklumat tersebut merangkumi nombor plot sawah, kawasan sawah, jenis tanah, saiz dan unit.

Manakala bagi rekod penanaman, pengguna harus memasukkan maklumat seperti varieti padi yang ditanam, musim, tahun, serta hasil penanaman.

Dalam pada itu, bagi ciri analisis pula pengguna boleh melihat perbandingan graf hasil tuaian, kos dan hasil pendapatan sehingga tempoh lima tahun sebelum.

Kesemua fungsi yang terkandung dalam aplikasi itu penting sebagai rekod bagi membolehkan pesawah menyemak aktiviti yang harus mereka laksanakan dengan lebih pantas dan tepat bagi mencapai sasaran hasil penanaman yang ditetapkan.

Aplikasi tersebut boleh dimuat turun dengan percuma di platform GooglePlay dan AppStore.

03.08.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM

7

LIPATAN SEJARAH

Pelancaran KADA

PADA 3 Mac 1973 Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein melancarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kota Bharu, Kelantan.

Dalam majlis itu, Abdul Razak

mengumumkan kerajaan sedang menimbang langkah-langkah melaksanakan land reform terutama di kawasan padi Pengairan Muda, Kedah dan di Kemubu, Kelantan.

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK:

- **3 MAC 1972**
Kementerian Dalam Negeri menggariskan filem untuk orang dewasa diberi siji warna merah dan untuk tayangan umum siji warna putih.
- **3 MAC 1972**
Mata pelajaran baharu Seins Panduan akan mula diajar di semua sekolah seluruh negara menjelang tahun 1974.
- **3 MAC 1977**
Mahaguru Omar Din jawab surat berkaitan pertanyaan ilmu yang ditunjukkan dalam Silat Lincah ilmu batin atau sihir.



Dapatkan maklumat lanjut dari Pusat Maklumat dan Arkib Media Mula Sdn Bhd Untuk pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di **03-74556428** atau emel infocenter@mediamulia.com.my

'Tak menang tangan bekalkan kutu air'

Suami, isteri bekas pensyarah termak makanan anak ikan laga

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Bermula sekadar menjual ikan pelaga atau nama saintifiknya *Betta splendens* secara kecil-kecilan, sepasang suami isteri kini bergelar pembekal utama makanan hidup atau kutu air (*moina*) di negara ini.

Mohamad Faez Sabharudin dan Nurul Azwa Abdul Rahman, masing-masing berusia 37 tahun, yang kedua-duanya pernah berkhidmat sebagai pensyarah kolej kemahiran swasta di Melaka, kini tidak cukup tangan untuk membekalkan kutu air yang diternak sendiri.

Mohamad Faez berkata, kutu air

itu elemen paling utama dalam industri akuakultur, khususnya bagi industri penetasan untuk penghasilan benih ikan dan udang yang berkualiti serta sihat.

"Secara tradisionalnya, pembekal ikan pelaga mendapatkan bekalan kutu air hidup seperti *Moina* sp daripada sumber yang kotor seperti loji kumbahan atau longkang tercemar.

"Keadaan itu bukan sahaja boleh menjejaskan tahap kesihatan ikan, tetapi juga boleh memberi kesan kepada kesihatan pembekal itu sendiri.

"Selain itu, isu kos makanan hidup import yang semakin mahal seperti *Artemia* spp menyebarkan kos operasi penetasan semakin meningkat.

"Menyadari hakikat itu, saya mengambil peluang membangunkan perusahaannya kutu air dalam persekitaran bersih dan mengkorporasi bermula 2018," katanya di Mambau, semalam.

Mohamad Faez berkata, pengetahuan mengenai teknologi ter-

nakan kutu air itu secara intensif diperolehi menerusi kursus jangka pendek di Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar, Glami Lemi, Jelenebu.

Bellau yang juga lulusan bidang mekanikal dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkata, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan banyak memberi bimbingan, khidmat nasihat dan kepakaran.

Mohamad Faez mengeluarkan tiga jenis kutu air iaitu *Moina* sp, *Moina* Thai dan *Daphnia Magna*.

Bellau juga mengembangkan laji perusahan ikan laga.

"Alhamdulillah, sejak berpin-dah di tapak baharu ini pada Ogos tahun lalu, usaha ini mendatangkan pulangan yang baik, walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Setakat ini memang tidak cukup tangan. Malah, kadangkala bekalan kutu air ini tidak mencukupi untuk menampung permintaan pasaran yang semakin meningkat.



Nurul Azwa dan Mohamad Faez menunjukkan bahagian baharu digunakan untuk menternak kutu air.
(Foto: Mohd Amin Jalil/BH)

"Kutu air yang saya keluarkan ini ialah makanan berprotein ser-ta paling berkhasiat untuk anak ikan laga yang boleh menghasilkan produk ikan berkualiti," katanya.

Usahawan berasal dari Perak itu berkata, beliau mempunyai 25 tangki ternakan kutu air dengan tempoh memulakan mengambil masa dua minggu secara pusingan.

Mohamad Faez berkata, setiap tangki mampu menghasilkan 500

gram kutu air dan setiap bulan boleh mengeluarkan sekitar 15 kilogram dengan harga dipasarkan ditetapkan RM5 bagi setiap 10 gram.

"Industri ini boleh dianggap baharu, namun berpotensi untuk berkembang maju seperti di Thailand.

"Pasaran kutu air ini bukan sahaja di Negeri Sembilan, tetapi mendapat permintaan sangat baik dari seluruh negara," katanya.

INFO

- » Nama: **Mohd. Fazrin Abdul Majid**
- » Nombor Telefon: **01128315712**
- » Alamat: **Betta HMPK Farm, No 31-A Jalan Kampung Mentera Sempadan Bachok/ Kota Bharu, Kelantan**
- » Facebook: <https://g.page/betta-hmpk-farm?gm>

MOHD. Fazrin Abdul Majid bersama koleksi ikan sekarin betta yang dipamerkan di rak jualan di halaman rumahnya di Kampung Mentera, Bachok, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG



Graduan perakaunan pilih ikan laga

Oleh **TOREK SULONG**
utusannews@mediamuka.com.my

BACHOK: Panjangnya cuma tiga sentimeter, namun, keunikan susunan sisik kecil, sirip dan ekornya dengan kombinasi warna yang menarik ketika mengembang menyebabkan nilai seekor ikan laga jenis 'sekarin betta' mencecah ribuan ringgit.

Kecantikan ikan laga variasi baharu itu membuat hati sesiapa sahaja terpaut tatkala memandangnya, termasuk graduan Diploma Perakaunan dari Politeknik Kota Bharu (PKB), Mohd. Fazrin Abdul Majid, 26.

Malah, Mohd. Fazrin nekad melupakan bidang perakaunan dan memilih untuk membiak baka ikan tersebut sebagai satu kerjaya selepas menyedari potensinya dalam menjana pendapatan lumayan.

Menurut Mohd. Fazrin, pandemik Covid-19 yang menyerang negara tahun lalu membawa hikmah tersendiri apabila ikan sekarin betta yang dibiaknya mendapat permintaan tinggi dalam tempoh

tersebut.

"Saya mengambil keputusan untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat ijazah dalam bidang perakaunan kerana telah jatuh cinta dalam penternakan ikan hiasan.

"Kalau berpeluang sambung belajar sekali pun, saya akan memilih jurusan akuakultur untuk mendalami ilmu membela dan membiakkan ikan secara komersial," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumahnya di Kampung Mentera semalam.

Bercerita lanjut, Mohd. Fazrin berkata, dia pada mulanya aktif membiakkan pelbagai variasi ikan guppy sehingga dirinya digelar Yen Guppy sebelum beralih arah kepada ikan sekarin betta kira-kira dua tahun lalu.

Katanya, pada peringkat permulaan, dia membeli beberapa ekor induk jantan dan betina dari Indonesia untuk dibiakkan dan tidak pernah jemu menimba ilmu daripada pakar sekarin serta menerusi internet.

"Setiap induk tersebut dibeli dengan harga RM250 seekor secara dalam talian sebelum

akhirnya melahirkan anak sehingga tiga generasi. Kemudian, saya promosikan ikan tersebut secara dalam talian," katanya.

Menurut Mohd. Fazrin, seekor induk betina mampu bertelur sehingga 200-1,000 biji pada satu masa, namun hanya 5-80 biji sahaja yang mampu membesar dengan selamat.

"Saya turut mempunyai kerja sampingan iaitu mencari jentik-jentik dan moina (kutu air) yang merupakan makanan dan sumber protein utama kepada ikan belaan saya," katanya.

Ujar Mohd. Fazrin, seekor sekarin betta boleh dijual dengan harga serendah RM2 dan hingga RM250 seekor bergantung kepada kecantikan sisik ikan tersebut dan jika memiliki corak unik serta menyerlah, ikan itu boleh dijual hingga RM2,000 seekor.

Sehingga kini, pemuda itu memiliki lebih 3,000 sekarin betta termasuk jenis Betta Fancy Koi dan Betta Fancy Cooper yang diternak di ladang miliknya, Betta HMPK Farm.

Nasional

Cuaca panas jejas hasil Harumanis

Pengusaha tanaman harap kerajaan Perlis bantu

Padang Besar: Cuaca panas dan kering melampau ketika ini, meresahkan pengusaha mangga Harumanis di Perlis, selepas bunga pokok Harumanis mulai kering dan gugur.

Pengusaha tanaman itu, Che Jan Che Seman, 65, berkata bukan sekadar bunga pokok Harumanis yang kering dan gugur, malah putik mangga itu juga akan gugur, akibat tangkainya kering.

Pesara kerajaan yang memiliki 170 pokok mangga Harumanis di Kebunnya di Bukit Keteri dekat

sini menjangka hasil tahun ini akan terjejas teruk berdasarkan keadaan itu.

"Kalau tahun lalu, pokok mangga Harumanis saya mampu mengeluarkan hampir dua tan buah, tetapi tahun ini dijangka hanya lima peratus sahaja daripada jumlah itu yang boleh dijual.

"Saya tidak menyalahkan takdir kerana memang menjadi adat dunia, kadang-kadang rezeki bertambah dan kadang kala sebaliknya," katanya di sini, baru-baru ini.

Seorang lagi pengusaha Harumanis, Suharti Saad, 43, pula berkata, beliau menanggung kos bil air yang tinggi bulan ini kerana terpaksa menggunakan air paip untuk menyiram tanamannya ekoran telaga di kebunnya di Bukit Temiang di sini, kering sejak sebulan lalu.

"Cuaca yang sangat panas menyebabkan telaga kering dan saya pula perlu berterusan menyiram air pada pokok Harumanis.

"Saya dan rakan pengusaha Harumanis berharap pihak kerajaan negeri dapat menyediakan bantuan dari segi subsidi atau diskaun bagi bil air Syarikat Air Perlis (SAP) yang juga milik kerajaan negeri," katanya.

Bekas guru itu juga berharap kerajaan negeri tampil membantu pengusaha Harumanis mendapatkan hasil tanaman itu tahun ini dijangka berkurangan daripada tahun sebelumnya.

Ramai lagi pengusaha tanaman Harumanis di negeri ini kurang berhasrat baik apabila terpaksa membelanjakan banyak wang untuk membeli baja pokok, racun pemusnah serangga dan kos menyiram pokok.



Fenomena cuaca panas dan kering di Perlis menyebabkan bunga pokok Harumanis kering dan gugur.
(Foto hasan)

Fenomena cuaca panas dan kering di Perlis dikenali sebagai 'Angin Timur', lazimnya berlaku antara Disember hingga Mac yang menyebabkan petani terpaksa mengeluarkan kos tinggi bagi menyiram hasil tanaman mereka.

Menurut Jabatan Meteorologi

Malaysia sebelum ini, negara kini dilanda fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga pertengahan bulan ini dan taburan hujan agak rendah, seterusnya di negeri utara Semenanjung.

BERNAMA

08.08.2021

SINAR HARIAN
NEGERI PERAK.
N.SEMBILAN.

28

P.PINANG.

Pengusaha harumanis mula bimbang

PADANG BESAR - Keadaan cuaca panas dan kering melampau ketika ini menimbulkan keresahan buat beberapa pengusaha mangga harumanis di Perlis apabila bunga pokok harumanis mereka mulai kering dan gugur.

Pengusaha tanaman itu, Che Jan Che Seman, 65, berkata, bukan sekadar bunga pokok harumanis yang kering dan gugur, malah putik mangga itu juga akan gugur akibat tangkainya kering.

Pesara kerajaan yang memiliki 170 pokok mangga harumanis di kebunnya di Bukit Keteri dekat sini menjangka hasil tahun ini akan terjejas teruk berdasarkan keadaan itu.

“Kalau tahun lepas,

pokok-pokok mangga harumanis saya mampu mengeluarkan hampir dua tan metrik buah, tetapi tahun ini dijangka hanya lima peratus sahaja daripada jumlah itu yang boleh dijual.

“Bagaimanapun saya tidak menyalahkan takdir kerana memang menjadi adat dunia, kadang-kadang rezeki bertambah dan kadangkala sebaliknya,” katanya baru-baru ini.

Seorang lagi pengusaha Harumanis, Suhardi Saad, 43, pula berkata, beliau menanggung kos bil air yang tinggi bulan ini kerana terpaksa menggunakan air paip untuk menyiram tanamannya ekoran telaga di kebunnya di Bukit Temiang di sini,

kering sejak sebulan lalu. “Cuaca yang sangat panas menyebabkan telaga kering dan saya pula perlu berterusan menyiram air pada pokok harumanis.

“Saya dan rakan pengusaha harumanis berharap pihak kerajaan negeri dapat menyediakan bantuan dari segi subsidi atau diskaun bagi bil air Syarikat Air Perlis (SAP) yang merupakan milik kerajaan negeri,” kata bekas guru itu.

Fenomena cuaca panas dan kering di Perlis dikenali sebagai ‘Angin Timur’ lazimnya berlaku antara Disember hingga Mac yang menyebabkan petani terpaksa mengeluarkan kos tinggi bagi menyiram hasil tanaman mereka. - *Bernama*

Usaha empat anak muda
cebuti bidang penanaman cili
membuahkan hasil

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Hasrat empat anak muda yang pada mulanya sekadar mencuba nasib dalam bidang penanaman cili akhirnya membuahkan hasil.

Ini kerana penanaman cili menggunakan kaedah fertigasi sejak dua tahun lalu diusahakan Muhammad Zaim Ahmad, 37, bersama tiga lagi rakannya di atas tanah rezab milik felda di Felda Panching Selatan menerusi penubuhan Syarikat Agro Maju Selatan mendatangkan pendapatan lumayan.

Menurutnya, pada ketika itu, mereka hanya mampu menanam kira-kira 12,000 polibag cili di atas tanah seluas 2 hektar dan memperolehi kira-kira 20 tan sepanjang tempoh Ogos 2019 hingga Jun 2020.

"Masa itu, kita nampak projek cili ini mampu dikembangkan dan kita sekali lagi membuat permohonan dengan Felda untuk menggunakan tanah terbiar bagi memperbesarkan ladang cili.

"Pihak Felda kemudian bersetuju untuk memberikan kita tanah tambahan iaitu sekitar 12.5 hektar bagi tujuan itu," katanya ketika ditemui di ladang cili di Felda Panching Selatan pada Ahad.

Bapa kepada empat anak itu berkata, pembukaan ladang berskala besar dapat dilaksanakan olehnya menerusi modal mereka berempat.

Menurutnya, selain itu, mereka turut mendapatkan petalabur bagi menjaga modal tambahan sekali



Produk hiliran iaitu sos cili dan pes rojak yang dihasilkan oleh Syarikat Agro Maju Selatan.

Azam jadi pengeluar utama cili di Pahang



Harja Kerjo mengutip hasil ladang cili yang dilakukan oleh pekerjainya.

gus projek berskala besar terbabit dapat dilaksanakan.

"Ada beberapa individu sudi melabur dan hasil persetujuan mereka, kita berjaya mengumpul modal sebanyak RM250,000 seterusnya projek itu dapat dilaksanakan.

"Setiap individu yang melabur akan mendapat peratusan setiap hasil diperolehi berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui," katanya.

Mohd Zaim berkata, dengan penanaman cili sebanyak 20,000 polibag, pihaknya mendapat keuntungan lumayan.

"Setiap hari, kita berjaya mengutip hasil sebanyak tiga tan sehari dan setahun kita mendapat kutipan hasil sekitar RM300,000," katanya.

Melihat perkembangan positif itu, membuat anak kelahiran Felda ini mahu terus memperluaskan ladang cili miliknya.

Beliau juga yakin mampu menjadi pengeluar utama cili di Pahang.

"Hasrat kita ke arah itu ada.. kita mahu anak Melayu menjadi pengeluar hasil cili untuk dipasarkan di seluruh negara. Jadi, kita sedang berusaha ke arah itu dan barharap sasaran tersebut tercapai dalam beberapa tahun lagi," katanya.

Anak kelahiran Felda Panching ini memaklumkan selain menjual cili segar, beliau turut menghasilkan produk hiliran dengan menggunakan cili gred C.

Katanya, idea untuk membuat produk ini terhasil apabila penjualan cili gred C



Muhammad Zaim bersama pekerja di ladang cili miliknya.

terlalu murah iaitu sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram (kg).

"Sebagai contoh kalau kita jual 18 kg cili kita hanya dapat RM18. Jadi, kita ambil keputusan buat produk seperti sos cili, cili jeruk dan pes rojak dengan menggunakan cili gred C itu.

"Daripada 18 kg cili itu kita boleh hasilkan 400 botol sos dan jika dijual pada harga RM3 sebotol, kita peroleh jualan RM1,200," katanya.

Guna kaedah fertigasi secara automatik

Muhammad Zaim berkata, beliau tidak memerlukan ramai pekerja kerana menggunakan kaedah fertigasi secara automatik bagi proses penyiraman air dan pembajaan untuk tanaman cili.

Katanya, batang paip kecil akan dipasang di setiap polibag pokok cili dan proses itu akan disalurkan secara serentak kepada tanaman.

"Fertigasi adalah gabungan dua per-

kataan Inggeris iaitu 'fertilizer' dan 'irrigation'.

Menurusi kaedah ini sistem automatik digunakan di mana pemberian baja yang lengkap kepada tanaman diberikan secara serentak dan dalam selang masa yang tetap setiap hari.

"Kepekatan baja cair atau 'parts per million' juga diberikan secara konsisten dan berkadar langsung dengan usia 'hst' pokok. Dengan menggunakan sistem fertigasi automatik baja dalam bentuk larutan disalurkan ke zon akar secara teratur melalui sistem pengaliran dengan bantuan pam air berkuasa 2hp dan pam injector baja," katanya.

Selain itu, beliau menawarkan pekerjaan secara separuh masa kepada penduduk setempat yang berminat dan mahu mendapatkan pendapatan sampingan.

Katanya, kebiasaan kerja-kerja itu membabitkan kerja pembuangan tunas air, daun sudah matang, cantas ranting baharu dan mengutip hasil.

Radio nelayan bantu salur maklumat kepada pihak berkuasa

KOTA BHARU – Ditubuh sejak lapan tahun lalu, Kelah Radio Nelayan Kelantan (KRNK) menjadi antara pihak yang secara sukarela membantu Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin melaksanakan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di sekitar perairan Kelantan.

Pengerusinya, Hazahar Mat Sanisah berkata, kelab itu mempunyai 315 ahli terdiri daripada nelayan laut di Kelantan dengan lebih 200 orang aktif memberi maklumat mengenai keadaan mereka ketika berada di laut.

Menurutnya, KRNK mempunyai jalur radio yang sentiasa menghubungkan antara nelayan-nelayan tidak kira sama ada berada di laut atau daratan.

"Kebiasaannya, jika berlaku tragedi yang melibatkan nelayan tempatan, kami akan mengetahuinya terlebih dahulu.

"Sekiranya bot nelayan tempatan karam atau ada awak-awak yang jatuh ke laut, tekong pastinya akan memaklumkan kejadian melalui jalur radio. Kami kemudian akan segera maklumkan kepada pihak berkuasa," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.



HAZAHAR (duduk) menggunakan Radio Nelayan Kelantan semasa bertubuh dengan nelayan-nelayan di laut baru-baru ini.

Menurut Hazahar, frekuensi jalur radio KRNK itu juga berdaftar dan telah mendapat kelulusan Jabatan Perikanan Kelantan untuk kegunaan setiap ahli yang berdaftar.

Katanya, frekuensi jalur radio KRNK itu boleh mencapai sehingga 45 batu nautika atau 100 kilometer dari kawasan darat ke tengah perairan Kelantan.

"Penggunaan radio ini amat penting jika berlaku tragedi dalam kalangan nelayan tempatan.

"Penemuan empat mayat di Bachok baru-baru ini mungkin nelayan asing kerana kami tidak memperoleh maklumat mengenai kejadian bot karam melibatkan nelayan tempatan dalam tempoh dua bulan ini," ujarnya.

Nelayan asing bolot ikan di perairan negara ketika laut bergelora

'Sudah 3 bulan tidak turun laut dalam'

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHAFFA

BACBOK - Nelayan-nelayan tempatan dari jeli pangkalan Kuala Kemasin di sini sudah tiga bulan tidak turun ke laut dalam kerana keadaan laut bergelora dan ombak kuat ketika musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Bachok, Mohd. Saripudin Ishak berkata, bagaimanapun, nelayan asing dari negara jiran tetap turun ke laut dan menjadikan perairan Malaysia sebagai sumber untuk mereka mencari rezeki.

Katanya yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Kelantan, bot-bot nelayan asing yang bersaiz besar membuatkan mereka berani untuk membelah lautan yang bergelora semata-mata untuk mendapatkan hasil laut.

Selain bot, nelayan asing mempunyai peralatan serta pukuk yang jauh lebih baik berbanding nelayan tempatan.

"Tkan-ikan bergred A kebiasaannya akan diperolehi ketika musim tengkujuh, namun tempatan tidak dapat ke-



KERATAN Kosmo! semalam.

luar menangkap ikan, manakala nelayan asing sedang sibuk mengaut hasil yang lumayan.

"Sebab itu, kami percaya penemuan empat mayat dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini di sini adalah nelayan asing. Hanya nelayan asing yang berani turun ke laut ketika ini," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Sementara itu, seorang nelayan, Wan Ishak Wan Ahmad, 71, pula berkongsi cerita, kebanyakan nelayan di Bachok hanya bergantung kepada bantuan Iktan Sara Hidup Nelayan sebanyak RM300 sebulan sejak beberapa bulan ini.

Katanya, dia tidak boleh mengikut tekong untuk menangkap ikan kerana keadaan laut masih bergelora meskipun cuaca



DUA nelayan melakukan kerja-kerja baik pulih bot di jeli pangkalan Kuala Kemasin, Bachok. - ZULHANIFA SDEK

tempoh dua bulan pertama tahun ini.

Penemuan mayat 'misteri' itu dilaporkan di Pantai Sri Telong dan Pantai Melawi pada Januari lalu, disusuli Pantai Kuala Kandis pada pertengahan bulan lalu dan kes terbaru di Pantai Kemayan yang pada 19 Februari lalu.

Nelayan-nelayan tempatan percaya mayat-mayat yang dite-

mui terdampar di pantai Bachok adalah nelayan dan awak-awak warga asing dari negara jiran.

Tabiat nelayan asing yang semar minum arak sampai mabuk ketika menangkap ikan menyebabkan mereka sering bergaduh sehingga sanggup berbunuhan sesama sendiri sebelum mayat dicampak di tengah laut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|------------|------------|
| 03.03.2021 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 01 |

Ekoran harga dedak melambung, kenaikan harga daging di pasaran tidak boleh dielak

RISIKO HARGA DAGING NAIK

LAPORAN KHAS

- **Kenaikan harga dedak** ruminan di pasaran melonjak lebih enam kali sejak lebih setahun lalu.
- Terdapat ramalan harga daging lembu segar bakal meningkat sehingga **RM40 sekilogram** menjelang musim perayaan.
- Pengusaha dan penternak lembu dan kambing mohon kerajaan campurtangan kawal harga dedak.

MUKA 2, 3 & 4



Dedak jadi punca

Makanan haiwan mahal bakal menyebabkan harga daging lembu, kambing melonjak menjelang Ramadan

SHAH ALAM

Ramai penternak lembu dan kambing di Malaysia bimbang dengan kenaikan harga dedak sehingga lebih enam kali sejak lebih setahun lalu.

Keadaan tersebut dikhuatiri boleh menyebabkan harga daging tempatan meningkat menjelang sambutan Ramadan dan Aidilfitri nanti.

Beberapa penternak lembu meramalkan harga daging segar meningkat sehingga RM35 hingga RM40 sekilogram berbanding harga semasa sekarang antara RM28 hingga RM30 sekilogram.

Seorang penternak dari Pasir Mas, Kelantan, Abu Hassan Mat berkata, harga dedak untuk makanan lembu disifatkan cekik darah apabila naik sekitar RM2 hingga RM3 selang beberapa minggu.

"Jika sebelum ini untuk sekampit dedak lembu seberat 50 kilogram (kg), harga di pasaran sekitar RM50.

"Namun sejak Januari lalu, harganya sudah beberapa kali naik dan sehingga kini mencecah RM57 sekampit.

"Ramai pengusaha ternakan lembu dan kambing mengalami tekanan. Bayangkan kalau bela 100 ekor lembu, kenaikan demi kenaikan ini akan meningkatkan kos penternakan.

"Harapan kami agar harga dedak kembali pulih dan dijual pada harga se-



ZAINAL

masa seperti sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau berkata, peningkatan harga dedak menyebabkan ramai penternak mengeluh, malah menurur Abu Hassan lagi, sehingga kini tiada

tindakan proaktif daripada pihak berkuasa.

"Buat masa ini, harga semasa bagi seekor lembu daging ialah RM3,200 hingga RM3,500 seekor tetapi harganya akan terus meningkat sehingga RM5,000 seekor pada musim perayaan bergantung kepada saiz dan baka.

"Kalau lembu jenis Sado mungkin nilainya lebih tinggi. Lembu jenis ini ada yang boleh mencecah RM20,000 kerana bakarnya lebih besar dan banyak daging," katanya.

Dalam pada itu, beberapa penternak berkongsi pengumuman yang dibuat oleh syarikat pengeluar dan pengedar dedak mengenai kenaikan harga makanan haiwan ruminan tersebut pada November tahun lalu dan terbaru Isnin lepas.

Penternak kambing baka dari Teluk Panglima Garang, Selangor, Zainal Mohd Jais berkata, isu kenaikan harga dedak yang naik tiga kali tahun ini memerlukan campur tangan pihak kerajaan.

"Harga dedak kerap naik dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini. Seingat saya sudah tiga kali.

"Setiap kali kenaikan sekitar RM1 hingga RM2.

"Dulu harga satu beg dedak seberat 50kg kira-kira RM53, kini dedak untuk kambing mencecah RM60 hingga



Penternak lembu meramalkan harga daging segar meningkat antara RM35 hingga RM40 sekilogram berbanding harga semasa RM28 hingga RM30 sekilogram.

RM80," kata Zainal.

Tegas Zainal, sektor penternakan adalah sektor kritikal untuk bekalan makanan negara dan kerajaan perlu menghulurkan bantuan segera menerusi pemberian subsidi sumber bahan mentah dedak dan subsidi kepada penternak.

"Sehingga hari ini, tiada kawalan bagi menangani isu kenaikan harga dedak. Ia sudah sampai ke tahap amat meributkan. Ramai penternak tidak mampu bertahan sekiranya masalah ini berterusan," akui.

Gesa campur tangan kerajaan

Pengerusi Koperasi Grup Transformasi Ruminan (GTR) Berhad, Nordin Mat mengesahkan kerajaan campur tangan dalam isu harga dedak ruminan yang makin mencengkam penternak.

Menurut Nordin, kenaikan harga dedak berkenaan disebabkan bekalan bahan asas dalam dedak iaitu kacang soya dan jagung terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Kerajaan perlu membantu kami untuk stabilkan harga dedak supaya rantaian kenaikan harga ini tidak sampai menjejaskan pengguna nanti," kata beliau.

Pandangan yang sama turut diketengahkan oleh Pengerusi Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor, Samad Kassim, yang menjelaskan harga semasa dedak dan ternakan lain juga mening-

SENARAI HARGA DEDAK

| Spesies | Kategori | Harga |
|---------|----------|-------|
| LEMBU | 50KG | 53.00 |
| | 40KG | 53.00 |
| | 30KG | 53.00 |
| | 20KG | 53.00 |
| KAMBING | 50KG | 60.00 |
| | 40KG | 60.00 |
| | 30KG | 60.00 |
| | 20KG | 60.00 |

Senarai harga dedak terkini.

SENARAI HARGA DEDAK

| Spesies | Kategori | Harga |
|---------|----------|-------|
| LEMBU | 50KG | 53.00 |
| | 40KG | 53.00 |
| | 30KG | 53.00 |
| | 20KG | 53.00 |
| KAMBING | 50KG | 60.00 |
| | 40KG | 60.00 |
| | 30KG | 60.00 |
| | 20KG | 60.00 |

Notis mengenai kenaikan harga dedak di Malaysia.

Notis mengenai kenaikan harga dedak di Malaysia.

Notis mengenai kenaikan harga dedak di Malaysia.

JADUAL WAKTU SOLAT

| | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| PERUS | 6:22 | 7:31 | 1:33 | 4:49 | 7:32 | 8:42 |
| ALOR SETAR | 6:22 | 7:28 | 1:33 | 4:49 | 7:32 | 8:41 |
| PULAU PINANG | 6:21 | 7:28 | 1:33 | 4:48 | 7:33 | 8:42 |
| IPUH | 6:19 | 7:24 | 1:31 | 4:45 | 7:31 | 8:40 |
| KOTA BHARU | 6:15 | 7:23 | 1:26 | 4:42 | 7:25 | 8:30 |
| BHAYA TERENGGANU | 6:10 | 7:19 | 1:22 | 4:37 | 7:21 | 8:31 |
| KUALA | 6:10 | 7:18 | 1:22 | 4:36 | 7:23 | 8:28 |
| WOLLAUMPUK - PUTRAJAYA | 6:16 | 7:23 | 1:28 | 4:42 | 7:29 | 8:38 |
| SHAH ALAM | 6:16 | 7:22 | 1:28 | 4:42 | 7:29 | 8:38 |
| SEREMBAN | 6:14 | 7:22 | 1:26 | 4:39 | 7:27 | 8:37 |
| SANDAKAN MELAKA | 6:13 | 7:21 | 1:26 | 4:38 | 7:27 | 8:36 |
| IPAH | 6:07 | 7:15 | 1:19 | 4:32 | 7:21 | 8:30 |

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my



NORDIN

kat dan terkesan sejak kebelakangan ini.

"Ada juga penternak yang terpaksa mencampur dedak mahal dengan dedak yang kualitinya lebih murah bagi kelangsungan operasi mereka, memandangkan itu sahaja pilihan mereka buat masa ini.

"Kerajaan perlu melakukan sesuatu dalam usaha membantu golongan penternak di Malaysia supaya dapat menyelamatkan potensi penternak lembu dan kambing.

"Jika tidak, harga daging lembu akan terus melambung," katanya.

Untuk rekod, Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) di bawah tajuk Mengembangkan Industri Ternakan meningkatkan permintaan daging meningkat daripada 1.4 juta

tan metrik pada tahun 2010 kepada 1.8 juta tan metrik pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus setahun.

Pengeluaran daging pula diunjur meningkat daripada 1.6 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.1 juta tan metrik pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus setahun.

Pengeluar bahan mentah 'tersepit'

Kenaikan harga bahan mentah berikutan PKP punca makanan ruminan mahal

GEORGETOWN

Punca kenaikan mendadak harga makanan ruminan seperti lembu dan kambing dipercayai disebabkan meningkatnya harga bahan mentah utama iaitu habuk kelapa sawit.

Habuk tersebut diperoleh dari dalam tempurung biji kelapa sawit yang dikenali sebagai 'kernel shell' yang dihanjurkan untuk dijadikan dalam bentuk serbuk halus.

Penghasilan bahan tersebut dikatakan memerlukan modal yang tinggi sebelum ia dijual kepada penternak dengan harga yang mahal.

Pemilik kilang PSJ Feed Sdn Bhd, Lim Chin Kok berkata, pihaknya selaku pengeluar makanan haiwan berada dalam keadaan tersepit sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu susulan harga bahan mentah sering naik.

Menurutnya, keadaan itu semakin parah sejak hujung tahun lalu apabila harga serbuk kelapa sawit yang merupakan 70 peratus bahan utama dalam pembuatan makanan haiwan naik mendadak.

Beliau mengakui, harga serbuk kelapa sawit yang naik melebihi 50 peratus itu menyebabkan pihak pengeluar terpaksa menaikkan harga makanan haiwan agar tidak mengalami kerugian.

"Harga bahan (untuk proses makanan haiwan) amat tinggi. Serba salah saya untuk jual. Nak jual mahal, kesian kepada penternak. Mereka pun mengalami masalah sama, perniagaan merudum sejak PKP."

"Bagaimana kita hendak jual murah jika bahan untuk proses makanan haiwan tinggi? Habuk kelapa sawit dahulu RM450 setiap tan, sekarang RM720. Harganya pula bukan tetap, ia bergantung kepada pengeluar."

"Sime Darby jual RM760 hingga RM800 setiap tan, manakala FGV pula RM720," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Jelas lelaki berusia 51 tahun itu, lebih mengecewakan, pihaknya turut berdepan dengan situasi dikawal kuantiti pembelian bahan mentah berikutan syarikat pengeluar lebih mementingkan permintaan dari luar negara.

"Kita hanya dibenarkan membeli 200



PSJ Feed di utara tanah air terpaksa mengolah resipi susulan kekurangan bekalan serbuk kelapa sawit.



Palm kernel shell

Bentuk tempurung kelapa sawit sebelum diproses menjadi serbuk untuk dijadikan bahan dalam penghasilan makanan ruminan.

tan sahaja dalam satu masa kerana mereka lebih pentingkan pembeli luar negara.

"Sejumlah 200 tan, dalam dua tiga hari sudah habis digunakan kerana 70 peratus daripada bahan adalah habuk kelapa sawit, manakala selebihnya akan dicampur dengan padi, soya, air gula merah dan gandum."

"Harga pula, pengeluar mengikut pasaran luar negara. Perkara tersebut menyebabkan kita sebagai pengeluar makanan haiwan menghadapi masalah. Beli dengan harga yang mahal, jual pun kena mahal juga. Tak boleh buat apa," katanya.

Permintaan negara musim sejuk

Chin Kok berkata, pada masa ini, permintaan luar negara amat tinggi berikutan cuaca sejuk yang dijangka sehingga Julai ini.

"Banyak negara luar beli bahan mentah dari Malaysia antaranya New Zealand, Australia, China dan Pakistan. Sebab itu, harga bahan mentah tinggi."

"Bagaimanapun, saya menjangkakan harga kembali stabil sekitar bulan Julai

dan Ogos kerana New Zealand dan Australia sudah masuk musim panas. Apabila musim panas, rumput di sana mula tumbuh, maka mereka akan kurang beli makanan haiwan dari sini," katanya.

Jelas Chin Kok lagi, selain habuk kelapa sawit, bahan-bahan lain iaitu gandum; jagung, kacang soya dan kulit kacang soya juga naik mendadak.

"Dahulu, gandum berharga RM700 (setiap tan), kini naik menjadi RM900, sama juga dengan jagung daripada RM780 menjadi RM1,300. Kacang soya pula daripada RM2,000 naik menjadi RM2,500, manakala kulit kacang soya, dari RM800 naik menjadi RM1,000."

"Saya menjalankan perniagaan ini sejak 20 tahun lalu, tahun lalu dengan tahun ini, paling teruk. Kenaikan bahan mentah ini menyebabkan saya telah menaikkan RM2 untuk setiap beg sebanyak empat kali, yang mana jumlah keseluruhan adalah RM8," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berusaha membantu penternak dengan mengolah 'resipi' iaitu dengan mengurangkan kuantiti serbuk kelapa sawit dan diganti dengan bahan lain yang lebih murah.

"Kita terpaksa ambil tindakan mengolah bahan untuk membantu penternak namun tidak boleh selalu kerana makanan seperti itu, zat tidak terlalu tinggi."

"Sekarang musim kemarau, rumput banyak kering. Jika tidak, boleh selang-selikan antara makanan dengan rumput."

Chin Kok berkata, pihaknya berharap agar keadaan ekonomi kembali stabil selepas negara mula menjalankan sun-

NILAI SERBUK KELAPA SAWIT

- Harga naik sehingga 70% (bermula Disember 2020)
- Serbuk kelapa sawit (RM450 satu tan cacah RM720 satu tan kini)

| Pembekal | Harga (per tan) |
|------------|-----------------|
| Sime Darby | RM760 |
| FGV | RM720 |

Bahan mentah selain serbuk kelapa sawit (taridini)

| Jenis | Harga (per tan) |
|-------------------|-----------------|
| Soya | RM2,500 |
| Jagung | RM1,300 |
| Kulit kacang soya | RM1,000 |
| Gandum | RM900 |

• Maklumat daripada pengeluar harga makanan ruminan kepada *Sinar Harian*



Serbuk kelapa sawit yang digunakan dalam penghasilan makanan ternakan.

tikan vaksin Covid-19.

"Selepas ini, saya harap ekonomi negara kembali stabil, sektor pelancongan dibuka semula dan hotel-hotel beroperasi seperti biasa. Kami peniaga perlu berhadapan dengan cabaran ini sejak tahun lalu dan cuba bertahan sehingga sekarang," katanya.

EK ELEH

Orang PKR marah betul bila DUA WAKIL RAKYAT MEREKA LOMPAT PARTI!

TAPI MEREKA TAK MARAH PULA bila ada wakil rakyat lompat masuk parti mereka!



Terpaksa fikir makanan alternatif

Bimbang temakan kelaparan sekali gus menanggung kerugian

IPOP

Kenaikan harga makanan ruminan memaksa penternak memikirkan alternatif lain termasuk membuat makanan sendiri untuk ternakan mereka.

Bagi seorang penternak, Majzub Shahrudin, 38, usaha itu terpaksa dilakukan bagi mengurangkan kos makanan sedia ada selain daripada kos-kos lain yang ditanggung penternak.

Menurutnya, disebabkan harga yang meningkat itu juga makanan ternakan terpaksa dicari untuk memastikan ia mencukupi mengikut keperluan nutrisi ternakan.

"Memang tak ada pilihan lain. Saya sarankan semua penternak lembu atau kambing supaya mula membuat sendiri makanan ternakan. Jika terus bergantung kepada makanan ruminan sedia ada memang kos akan meningkat.

"Penternak juga perlu ada kreativiti sendiri dalam memastikan ternakan mendapat khasiat makanan secukupnya sebelum dijual di pasaran," katanya ke-



Mohd Daud bertukar kepada jerami padi kering untuk dijadikan sebagai stok makanan kepada lembu ternakannya.

pada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sementara itu, seorang lagi penternak, Mohd Hashim Ayub, 52, berkata, kenaikan harga makanan ruminan tersebut turut memberi kesan kepada harga ternakan yang dijangka naik menjelang sambutan Aidiladha.

Tegasnya, sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi masalah itu sama ada penyelesaian jangka pendek atau jangka panjang.

"Bekalan daging di negara ini memang tidak cukup untuk menampung permintaan tambahan pula dalam tempoh penularan Covid-19, daging import juga berkurangan," katanya.

Menurutnya, dianggarkan harga bagi seekor lembu biasa boleh mencecah sehingga RM6,000 menjelang ibadah korban yang bakal berlangsung

pada Julai depan.

Di **KELANTAN**, penternak dari Kampung Dewan Beta, Mohd Daud Abdul Salam, 36, mengambil inisiatif iaitu menjadikan jerami yang dibeli dari Kedah sebagai makanan alternatif kepada ternakan lembu dan kambingnya.

"Bukan harga sahaja yang naik, stok bekalan dedak di pasaran turut terputus. Situasi itu cukup memeritkan kerana saya mempunyai bilangan lembu dan kambing yang banyak dan memerlukan stok bekalan makanan berskala besar.

"Sejak stok berkurangan dan harga naik saya terpaksa ke kawasan lain (luar dari kampung) untuk membeli dedak," katanya.

Katanya, jerami itu dibeli pada harga RM145 untuk 180kg.

RM1,000 untuk satu bahagian

KOTA BHARU - Kenaikan mendadak harga dedak lembu ketika ini cukup meresahkan penternak apabila bahan makanan itu amat diperlukan dalam membekalkan nutrisi tambahan sekali gus melengkapkan proses tumbesaran haiwan tersebut dengan lebih baik.

Kata-rata penternak ketika ini dilihat termenung panjang memikirkan kenaikan tersebut yang disifatkan cukup luar biasa sehingga mereka menjangkakan harga lembu korban boleh mencecah sehingga RM1,000 untuk satu bahagian.

Penternak, Mohd Fakhrurozi Hassan, 33, berkata, tahun lalu harga paling tinggi yang ditawarkan untuk satu bahagian lembu bagi tujuan ibadah korban ialah RM750.

"Jika harga dedak terus naik, saya tidak menolak kemungkinan kos satu bahagian lembu korban juga meningkat.

"Saya jangka ia boleh mencecah RM1,000 satu bahagian lembu bersaiz besar," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Kampung Sireh Bawah

Lembah di sini pada Selasa.

Menurut Mohd Fakhrurozi, kenaikan harga makanan tambahan itu dikesan berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan kerajaan bagi membanding penularan pandemik Covid-19 sejak tahun lalu.

Katanya, harga asal dedak sekitar RM42 untuk satu goni seberatnya 50 kilogram (kg).

Mohd Fakhrurozi berkata, dia kini terpaksa membayar RM51 untuk setiap satu goni yang beratnya 50kg.

Katanya, setiap bulan dia terpaksa membelanjakan antara RM1,400 hingga RM1,600 untuk membeli dedak bagi memastikan haiwan ternakannya membesar dengan baik.

"Selain lembu, saya juga ada bela kambing dan biri-biri bagi tujuan akikah," katanya.

Anak kelahiran Kampung Sireh Bawah Lembah itu turut merayu kepada pihak kerajaan supaya mencari alternatif membantu penternak yang terkesan dengan kenaikan harga dedak.



Mohd Fakhrurozi menajutkan stok jerami padi yang dibeli sebagai makanan bagi menampung kos kenaikan harga dedak.

Penternak di Terengganu terputus bekalan ruminan sejak sebulan lalu

KUALA TERENGGANU - Penternak di Terengganu berdepan masalah terputus bekalan makanan ruminan dan peningkatan mendadak harganya sejak sebulan lalu.

Penternak lembu dan kerbau, Mohd Ezril Hisham Abd Rahman, 30, dari Manir di sini berkata, beliau terpaksa melepaskan haiwan ternakan yang sebelum ini dikurung dalam kandang ke kawasan lain untuk mencari makanan.

"Sebelum ini, kami diberitahu berlaku masalah bekalan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana tenaga kerja kilang terpaksa dikurangkan separuh.

"Namun, sekarang kalau ikutkan tempoh PKP sudah habis tetapi pelik kerana masih berlaku masalah bekalan, selain peningkatan harga ma-

kanaan yang mendadak," katanya.

Katanya, isu peningkatan harga dedak dan terputus bekalan menjadi kelaziman saban tahun lebih-lebih lagi menjelang musim perayaan.

Bagaimanapun, katanya, kali ini agak teruk kerana sudah hampir sebulan ia berlarutan.

"Sebelum ini, kalau terputus bekalan pun dalam sehari dua sahaja dan harga meningkat dalam RM1 hingga RM2. Tahun ini memang sangat teruk dan dijangka harga dedak akan naik lagi," katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga dedak bagi gred paling murah meningkat sebulan sehingga mencecah RM54 berbanding RM44 bagi setiap 50 kilogram (kg).

"Saya akan pesan sebanyak 30 hingga 50 beg dedak yang boleh ber-

tahan sehingga dua minggu. Kini apabila sudah terputus bekalan, saya terpaksa bagi makan rumput," katanya.

Mohd Ezril Hisham yang memelihara lembu dan kerbau sejak tujuh tahun lalu mengakui berasa tertekan dengan keadaan itu dan terpaksa mencari pasaran luar bagi memasarkan haiwan ternakannya.

"Mustahil harga daging akan naik di Terengganu kerana harga pasaran di sini hanya RM30 hingga RM32 setiap 1kg berbanding pasaran luar terutama di Kuala Lumpur boleh cecah RM45 sekilogram.

"Sebab itulah harga daging di Terengganu dan di Kelantan paling murah berbanding negeri lain.

"Jika jual ikut harga pasaran semasa di Terengganu, nak bayar balik modal niaga pun tak lepas," katanya.



Mohd Ezril Hisham bersama ternakan yang sedia dipasarkan.